



Manfaat-manfaat yang diibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Zurich Takaful Malaysia Berhad
No. Pendaftaran 200601012246 (731996-H)
Tingkat 23A, Mercu 3,
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888
Pusat Panggilan: 1-300-888-622 www.zurich.com.my



ZURICH, Logo Z dan Tanda Z merupakan cap dagangan Zurich Insurance Company Ltd, didaftarkan di pelbagai bidang kuasa di seluruh dunia.

ZT0333/6/P/L/B/M



Takaful Keluarga



Takaful ProEssential

Kukuhkan Masa Depan Anda dan Orang Tersayang



LETAKKAN KELUARGA SEBAGAI KEUTAMAAN

Seperti kebanyakan ibu bapa, tiada yang lebih berharga selain daripada keluarga dan kebahagiaan anak-anak apabila mereka mencapai kejayaan dalam kehidupan. Daripada detik mereka mengambil langkah pertama, mencuba makanan pejal, mendengar mereka menyahut “Mama” dan “Papa” buat pertama kali dan menjaga mereka seperti menatang minyak yang penuh sehingga mereka melangkah ke alam dewasa dan membina keluarga mereka sendiri – anda ingin berada di sisi mereka bagi setiap langkah dalam kehidupan.

Di Zurich, kami memahami bahawa melindungi keharmonian keluarga dan diri sendiri adalah keutamaan anda. Keutamaan ini amat penting sepanjang umur sehingga umur emas kita.

Oleh itu, kami telah mereka **Takaful ProEssential**, sebuah pelan takaful keluarga yang menawarkan keselamatan kewangan yang komprehensif apabila kematian, Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) dan Hilang Upaya Warga Emas (HUWE) berlaku.

Dengan Takaful ProEssential, berikan jaminan perlindungan yang anda inginkan untuk mereka yang paling berharga: keluarga yang tersayang.



Manfaat & Ciri-ciri Produk

Mustahil untuk kita meramalkan apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Tetapi jika kejadian yang tidak diingini berlaku seperti kematian atau Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK), yakinlah bahawa keluarga anda akan mempunyai sokongan kewangan yang bernilai.



Manfaat Kematian

Ketidakpastian itu sememangnya lumrah kehidupan dan perancangan untuk masa depan adalah penting. Oleh itu dengan Takaful ProEssential, 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP) akan dibayar kepada insan tersayang apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia.



Perlindungan Hilang Upaya sehingga Kematangan Sijil

Bersiap sedia dari segi kewangan untuk sesuatu yang tidak dijangka pada masa hadapan akan membantu anda mencapai ketenangan dalam hidup. Manfaat HUKK menyediakan perlindungan sehingga umur 75 tahun dan Hilang Upaya Warga Emas (HUWE) menyediakan perlindungan tambahan selama 5 tahun sehingga umur 80 tahun. Sekiranya anda mengalami HUKK atau HUWE, 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan nilai APP akan dibayar.



Hak Istimewa Penjagaan Keluarga

Ahli keluarga anda akan terus dilindungi walaupun apabila anda sudah tiada. Sehingga 4 pasangan atau anak anda yang sah layak untuk menyertai pelan takaful keluarga Zurich dengan perlindungan sehingga 25% daripada Jumlah Perlindungan Asas tanpa sebarang taja jamin.



Tempoh Perlindungan yang Fleksibel

Kami menawarkan pelbagai tempoh perlindungan bagi memenuhi keperluan anda. Anda mempunyai kebebasan untuk memilih daripada pelbagai pilihan tempoh perlindungan daripada tempoh 20 tahun, 30 tahun, 40 tahun atau sehingga umur 80 tahun.



Lanjutkan Perlindungan Anda

Kami percaya bahawa perlindungan berterusan akan membolehkan anda menjalani kehidupan yang diingini. Anda boleh melanjutkan perlindungan anda dengan pelan takaful Zurich yang terpilih dalam tempoh 60 hari dari tarikh matang sijil, tanpa sebarang bukti kesihatan diperlukan.

Nota:

1. Semua manfaat adalah tertakluk kepada terma dan syarat.
2. Semua manfaat yang dibayar akan ditolak dengan sebarang tunggakan (jika ada).



Pertingkatkan Perlindungan Anda Dengan Manfaat Tambahan

Anda boleh menyertakan manfaat tambahan bagi mempertingkatkan perlindungan anda:

Manfaat Tambahan	Butiran
KritikalCare Essential Plus	Memberikan perlindungan tambahan untuk Penyakit Kritikal tertentu
KritikalCare Waiver Plus	Caruman akan dikecualikan sekiranya anda didiagnosis dengan mana-mana satu daripada Penyakit Kritikal tertentu
KritikalCare Prime Plus	Memberikan perlindungan tambahan untuk Penyakit Kritikal tertentu dan Jumlah Perlindungan Asas akan dikurangkan dengan jumlah perlindungan manfaat tambahan yang dibayar
AccidentalCare	Memberikan perlindungan apabila mengalami kerugian atau kecederaan akibat kemalangan
Disability Income	Memberikan perlindungan apabila didiagnosis dengan hilang upaya sementara atau hilang upaya kekal
Accidental MediBill Reimbursement	Membayar perbelanjaan perubatan yang ditanggung apabila mengalami kecederaan yang memerlukan rawatan perubatan atau pembedahan akibat kemalangan. Yuran ambulans sehingga RM500 setiap kemalangan juga akan ditanggung
Hospital Income	Memberikan perlindungan apabila dimasukkan ke hospital. Bayaran akan disepahkan apabila dimasukkan ke hospital bukan kerajaan dan swasta bukan berlesen kerajaan

Nota:

1. Semua manfaat adalah tertakluk kepada terma dan syarat.
2. Semua manfaat yang dibayar akan ditolak dengan sebarang tunggakan (jika ada).
3. Sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk dan Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

Diskaun Eksklusif untuk Manfaat Tambahan Tertentu

Bagi memberikan perlindungan holistik kepada anda, anda akan memperoleh **diskaun sebanyak 5%** dari caruman manfaat tambahan apabila melampirkan 3 manfaat tambahan yang disenaraikan di bawah dalam sijil anda.

- AccidentalCare
- Disability Income
- Accidental MediBill Reimbursement



Perkhidmatan Tambahan untuk Beramal Mulia

Badal Haji, Korban, Wakaf dan Kebajikan

Sebagai perkhidmatan tambahan kepada perlindungan takaful anda, anda boleh melengkapi pelan anda dengan kerjasama Amanah Raya Berhad untuk mencapai objektif kerohanian anda. Berikut adalah perkhidmatan-perkhidmatan kami:

- **Badal Haji** – Memastikan kewajipan anda untuk menunaikan Haji boleh dilaksanakan oleh proksi yang dilantik sekiranya anda tiada lagi.
- **Khidmat Korban** – Membantu anda menunaikan tuntutan agama anda dengan mengorbankan haiwan dan mengagihkan daging kepada golongan yang ditetapkan semasa Aidiladha.
- **Khidmat Wakaf** – Membolehkan anda untuk terus beramal dengan memberi dana yang diperlukan kepada penerima Wakaf pilihan anda.
- **Khidmat Kebajikan** – Bagi pelanggan bukan Islam, kami juga menyediakan senarai organisasi kebajikan di mana anda boleh memilih organisasi pilihan anda untuk berbuat kebajikan dan membantu mereka yang memerlukan.

Gateway Transaksi Caruman Patuh Syariah

Kami memahami keperluan anda untuk memastikan transaksi caruman yang patuh Syariah, inilah sebabnya kami memperkenalkan kaedah caruman baru – **PayHalal**. Dengan kaedah caruman baru ini, tiada lagi unsur Riba, Gharar dan Maisir.



Model Wakalah

Zurich Takaful Malaysia Berhad beroperasi menggunakan model Wakalah di mana kami berperanan sebagai ejen kepada Peserta untuk menguruskan operasi perniagaan Takaful. Yuran Wakalah akan dikenakan terlebih dahulu daripada caruman yang dibuat. Tabarru'¹ (derma) akan dimasukkan kepada Dana Risiko Peserta (DRP)², di mana ia akan digunakan untuk sumbangan dan bantuan bersama, berdasarkan konsep Takaful. Manfaat akan dibayar daripada DRP hanya apabila berlaku sesuatu kejadian yang dilindungi, bukan setelah mencapai tempoh matang atau serahan sijil. Sekiranya terdapat Lebihan yang diisytiharkan pada setiap akhir tahun kewangan, 50% daripada lebihan tersebut akan dikongsi bersama-sama dengan Peserta yang layak, berdasarkan kontrak Hibah (hadiah). Keuntungan pelaburan yang terhasil dalam Akaun Pelaburan Peserta (APP) TIDAK DIJAMIN dan bergantung kepada prestasi sebenar pelaburan. 90% daripada keuntungan pelaburan yang diperolehi dalam APP adalah kepunyaan Peserta dan Zurich Takaful Malaysia Berhad akan menerima 10% daripada keuntungan pelaburan sebagai yuran insentif (Jualah) untuk menguruskan APP.

¹Tabarru' bermaksud derma dan merupakan jumlah yang dipersetujui oleh Peserta untuk disalurkan bagi tujuan membantu sesiapa yang menyertai Pelan Takaful dan untuk membayar Perlindungan Takaful.

²Dana Risiko Peserta (DRP) adalah akaun pegangan peserta di mana Tabarru' (derma) akan disalurkan dan digunakan untuk membantu Peserta lain yang menghadapi musibah.

Yuran Wakalah

Tahun Sijil	% Caruman	Wakalah Tetap (RM)	
	Umur Penyertaan 0-60	Umur Penyertaan 0-15	Umur Penyertaan 16-60
1	75	100	25
2	65	100	25
3	55	80	25
4	45	80	25
5	35	55	15
6	25	55	15
>6	10	10	10



Soalan Lazim

Apakah Takaful ProEssential?

Takaful ProEssential menawarkan keselamatan kewangan yang fleksibel untuk insan tersayang anda. Anda bebas memilih daripada pelbagai tempoh perlindungan daripada 20 tahun, 30 tahun, 40 tahun atau sehingga umur 80 tahun.

Siapakah yang layak menyertai Takaful ProEssential?

Umur penyertaan minimum untuk pelan ini adalah 14 hari dan umur penyertaan maksimum adalah 60 tahun. Namun begitu, Peserta mestilah berumur sekurang-kurangnya 16 tahun.

Berapakah caruman yang perlu dibuat?

Caruman perlu dibuat sepanjang tempoh perlindungan dan bergantung kepada Jumlah Perlindungan Asas, umur, jantina, status merokok, tempoh perlindungan dan tertakluk kepada taja jamin. Walau bagaimanapun, caruman adalah tidak dijamin dan kami berhak untuk mengkaji semula caruman dengan memberi notis 90 hari secara bertulis terlebih dahulu kepada anda. Sila rujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk untuk mengetahui jumlah caruman yang diperlukan.

Bagaimanakah Hak Istimewa Penjagaan Keluarga berfungsi?

Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, sehingga 4 pasangan dan anak yang sah layak menyertai pelan takaful keluarga Zurich dengan perlindungan sehingga 25% daripada Jumlah Perlindungan Asas, tertakluk kepada RM300,000 setiap hayat, tanpa taja jamin. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Adakah caruman yang dibuat untuk Takaful ProEssential layak menerima pelepasan cukai pendapatan?

Ya. Caruman yang dibuat layak menerima pelepasan cukai pendapatan di samping pelan takaful keluarga atau insurans hayat anda yang lain, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).

Apakah kaedah caruman yang tersedia untuk Takaful ProEssential?

Caruman boleh dibuat secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan. Namun bagi kaedah caruman suku tahunan atau bulanan, hanya direct debit boleh diterima.

Apakah yuran dan caj?

Yuran dan caj untuk pelan ini adalah seperti berikut:

Penerangan	Yuran dan Caj
Yuran Wakalah	Caj ini membolehkan kami membayar perbelanjaan mengurus perniagaan takaful, termasuk upah kepada Perancang Kewangan kami.
Tabarru' Bulanan (Derma)	Kadar Tabarru' tidak sama dan berdasarkan umur, jantina, Jumlah Perlindungan, status merokok dan tertakluk kepada taja jamin untuk Orang Yang Dilindungi.
Yuran Serahan	Yuran serahan sebanyak RM50 akan dikenakan jika serahan dibuat dalam tempoh 3 tahun pertama sijil. Tiada yuran akan dikenakan bagi tahun sijil ke-4 dan seterusnya.

Apakah yang tidak dilindungi oleh Takaful ProEssential?

Takaful ProEssential tidak melindungi kejadian seperti yang disenaraikan di bawah. Sila ambil perhatian bahawa senarai ini adalah tidak menyeluruh dan anda disarankan merujuk kepada senarai menyeluruh yang terdapat dalam Lembaran Pendedahan Produk dan Sijil Takaful.

Manfaat Kematian

Manfaat Kematian tidak akan dibayar bagi sebarang kematian akibat bunuh diri dalam tempoh 1 tahun daripada Tarikh Permulaan Sijil Asas ini atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana terkemudian, sama ada Orang Yang Dilindungi itu waras atau tidak waras. Liabiliti kami adalah terhad kepada nilai APP pada tarikh kematian.

Manfaat Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal dan Manfaat Hilang Upaya Warga Emas

Sijil ini tidak melindungi sebarang hilang upaya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sebahagian atau sepenuhnya, oleh mana-mana kejadian berikut:

- Mencederakan diri sendiri semasa waras atau tidak waras; atau
- Perjalanan atau penerbangan di dalam apa-apa jenis pesawat kecuali di dalam penerbangan penumpang komersial yang berjadual; atau
- Sebarang aktiviti ketenteraan semasa terlibat dalam perkhidmatan tentera pada masa peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan semasa berada di bawah arahan untuk operasi berupa peperangan atau pemulihan ketenteraman awam; atau
- Perang, perang saudara, pencerobohan, tindakan oleh musuh luar, tindakan berkaitan perang (sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), termasuk letupan yang tidak sengaja dan/atau letupan yang sengaja dengan menggunakan alat senjata peperangan, ketika perang atau akibat langsung dari peperangan yang sebelumnya; atau
- Penyakit Sedia Ada; atau
- Terbabit dalam aktiviti yang melanggar undang-undang; atau
- Berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik dan/atau dadah.



Nota Penting

- Zurich Takaful Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Zurich Takaful Malaysia Berhad diwajibkan mematuhi keperluan Syariah dan Pengawasan dengan ketat.
- Ini adalah produk Takaful dan direka seiring dengan prinsip Syariah.
- Anda mempunyai tempoh ihsan sebanyak 31 hari dari tarikh akhir caruman untuk membuat caruman kepada sijil. Sijil ini akan kekal berkuatkuasa semasa tempoh ihsan.
- Jika tiada caruman diterima dalam tempoh ihsan, sijil anda mungkin akan luput.
- Anda boleh menguatkuasakan semula sijil tersebut dengan membuat tunggakan caruman. Sijil akan diserahkan secara automatik sekiranya ia tidak dikuatkuasakan semula dalam tempoh 1 tahun. Sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk dan Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.
- Penyertaan dalam pelan Takaful merupakan komitmen jangka panjang dan adalah tidak wajar untuk memegang sijil dalam tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaannya tinggi.
- Semua caruman dan yuran yang ditunjukkan dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.
- Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini boleh memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan bahawa caruman yang dibuat di bawah sijil ini merupakan amaun yang anda mampu.
- Sekiranya sijil ini dibatalkan dalam tempoh bertenang selama 15 hari daripada tarikh penyerahan dokumen sijil anda, Zurich Takaful Malaysia Berhad akan memulangkan caruman penuh yang telah dibuat, selepas menolak perbelanjaan perubatan yang dibayar.
- Pemotongan caruman dan Tabarru' untuk pelan ini tidak dijamin dan Zurich Takaful Malaysia Berhad berhak untuk mengkaji semula caruman dan Tabarru' dengan memberi notis 90 hari secara bertulis terlebih dahulu kepada Peserta.
- Maklumat yang terkandung dalam brosur ini boleh diubah tanpa notis terlebih dahulu.
- Sekiranya berlaku sebarang pertikaian atau kekaburan yang berpunca daripada terjemahan kepada Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- Sekiranya seseorang Perancang Kewangan tidak lagi berkhidmat di bawah Zurich Takaful Malaysia Berhad, seorang Perancang Kewangan baru akan dilantik oleh Zurich Takaful Malaysia Berhad bagi memastikan anda menerima perkhidmatan yang berterusan.

- Brosur ini hanya mengandungi gambaran ringkas produk dan tidak menyeluruh. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai produk ini, anda disarankan membacanya bersama-sama dengan Risalah Pemasaran dan Lembaran Pendedahan Produk. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk mendapatkan penerangan terperinci mengenai manfaat, pengecualian, terma dan syaratnya. Anda juga boleh menghubungi salah seorang Perancang Kewangan kami untuk keterangan lanjut.

WHEN FAMILY ALWAYS COMES FIRST

Like most parents, there is nothing more precious to you than your family and to be able to experience the joys of your children as they achieve milestones in life. From their first steps, their first taste of solid food, hearing them utter “Mama” or “Papa” for the first time, to caring passionately for their well-being and security as they enter adulthood and start a family of their own – you want to be there at every step of their journey.

At Zurich, we understand that protecting your family and preserving your peace of mind are of the highest priorities. These priorities last well beyond your younger years, even into the golden years of life.

This is why we have designed **Takaful ProEssential**, a family takaful plan that offers comprehensive financial security upon death, Total and Permanent Disability (TPD) and Golden Age Disability (GAD).

With Takaful ProEssential, secure the protection you want for the ones you love most: your family.



Product Benefits & Features

It is impossible to predict what the future holds. But in the unfortunate event of death or Total and Permanent Disability (TPD), you can rest assured that your family will have valuable financial support.




Death Benefit

Uncertainties are part of life and planning ahead for the future is essential. With Takaful ProEssential, 100% of Basic Sum Covered (BSC) and the Participant Investment Account (PIA) value will be paid upon death to your loved ones.



Disability Coverage Up to Maturity of Certificate

Being financially prepared for the unexpected in your later years helps give you greater peace of mind. Our TPD will provide you coverage up to age 75 and the Golden Age Disability (GAD) will provide you an additional 5 years of disability coverage up to age 80. If you sustain TPD or GAD, we will pay you 100% of BSC and PIA value.



Family Care Privilege

Your family will still be taken care of, even when you are not around. Up to 4 of your legal spouses or children will be eligible to participate in a Zurich family takaful plan with coverage amount up to 25% of Basic Sum Covered without medical underwriting.



Flexible Coverage Term

We have various coverage terms available to suit your needs. You may choose your preferred coverage term of 20 years, 30 years, 40 years or up to age 80.



Extend Your Coverage

We believe that continuous coverage will offer you comfort and allow you to live your life to the fullest. You can extend your protection with selected Zurich takaful products within 60 days of the maturity date, with no health evidence required.

Note:

1. All benefits are subject to terms and conditions.
2. All benefits payable will be deducted by the amount due to us (if any).

Enhance Your Protection Option

You can attach the following riders to enhance your protection:

Rider	Details
KriticalCare Essential Plus	Provides additional coverage for selected Critical Illnesses
KriticalCare Waiver Plus	The contribution will be waived in the event you are diagnosed with any one of the selected Critical Illnesses
KriticalCare Prime Plus	Provides additional coverage for selected Critical Illnesses and the rider sum covered paid will reduce the Basic Sum Covered
AccidentalCare	Provides coverage upon suffering specified loss or injury resulting from an accident
Disability Income	Provides coverage upon diagnosis of atemporary or permanent disability
Accidental MediBill Reimbursement	Provides medical reimbursement upon injury resulting from an accident that requires medical or surgical treatment. Ambulance fee of up to RM500 per accident will also be covered
Hospital Income	Provides coverage upon admission to hospital. Payment is halved for admission to non-government and non-government licensed private hospitals

Note:

1. All benefits are subject to terms and conditions.
2. All benefits payable will be deducted by the amount due to us (if any).
3. Please refer to Product Disclosure Sheet and Takaful Certificate for further details.

Exclusive Discount For Selected Riders

To provide you with a holistic protection, you will be entitled to a **5% discount** on the following rider's contribution when you attach all 3 riders listed below simultaneously in your certificate.

- AccidentalCare
- Disability Income
- Accidental MediBill Reimbursement

Value-added Services for Your Pursuit of a Virtuous Lifestyle

Hajj by Proxy, Qurban, Waqaf and Charity

As an added value to your Takaful coverage, you may supplement your plan in association with Amanah Raya Berhad to achieve your spiritual objective. We offer the following services:

- **Hajj by Proxy (Badal Hajj)** – Ensures your obligation to perform Hajj is fulfilled by an appointed proxy when you are no longer around.
- **Qurban Service** – Assists to fulfil your religious need of sacrificing an animal and distributing the meat to the designated group of people during Aidiladha.
- **Waqaf Service** – Enables you to continuously perform charity by distributing your allocated fund to your preferred Waqaf recipient.
- **Charity Service** – For non-Muslim customers, we also provide a list of charity organisations from which you can select your preferred organisation to do good deeds and help those in need.

Shariah Compliant Contribution Gateway

We understand your need for reassurance on Shariah compliant contribution transactions. With our new contribution gateway – **PayHalal**, rest assured that there are no elements of Riba' (usury), Gharar (uncertainty) and Maisir (gambling).



Wakalah Model

Zurich Takaful Malaysia Berhad operates under the Wakalah model, whereby we act as an agent to the Participant for managing the operations of the Takaful business.

A Wakalah fee will be charged up front from the contributions made. Tabarru'¹ (donation) will be deducted to the Participant Risk Fund (PRF)², where it will be used for mutual aid and assistance, based on the concept of Takaful. The benefits are paid from the PRF only upon a covered event, and not upon maturity or surrender of the certificate. If there is a Surplus Sharing declared at the end of each financial year, 50% of the surplus will be shared with the eligible Participant based on the Hibah (gift) contract. The investment profit generated in the Participant Investment Account (PIA) is NOT GUARANTEED and depends on the actual performance of the investment. 90% of the investment profit earned in the PIA belongs to the Participants and Zurich Takaful Malaysia Berhad will receive 10% of the investment profit as incentive fee (Ju'alah) for managing the PIA.

¹ Tabarru' means donation and is the amount that the Participant agrees to relinquish to assist those persons participating in the Takaful Plan and to pay for the Takaful Coverage.

² Participant Risk Fund (PRF) is a participant's holding account where the Tabarru' (donation) will be credited and used to help other Participants in times of misfortune.

Wakalah Fee

Certificate Year	% Contribution	Fixed Wakalah (RM)	
	Entry Age 0-60	Entry Age 0-15	Entry Age 16-60
1	75	100	25
2	65	100	25
3	55	80	25
4	45	80	25
5	35	55	15
6	25	55	15
>6	10	10	10



Frequently Asked Questions

What is Takaful ProEssential?

Takaful ProEssential offers flexible financial security to meet your needs for your loved ones. You may choose from multiple coverage term options – from 20 years, 30 years, 40 years to up to age 80.

Who is eligible for Takaful ProEssential?

The minimum entry age for this plan is 14 days old and maximum entry age is 60 years old. However, the Participant must be at least 16 years old.

How much is the contribution?

The contribution is payable throughout the coverage term and shall depend on your chosen Basic Sum Covered, age, gender, smoking status, coverage term and underwriting requirements. However, the contribution is not guaranteed and we reserve the right to revise the contribution by giving you 90 days prior written notice. Please refer to the Product Disclosure Sheet to find out the required contribution amount.

How does Family Care Privilege work?

In the event of death of the Person Covered, up to 4 legal spouses or children are eligible to participate in our Zurich family takaful plan with up to 25% of the Basic Sum Covered, subject to a cap of RM300,000 per life, without underwriting. Subject to terms and conditions.

Is the contribution made for Takaful ProEssential eligible for income tax relief?

Yes. The contributions made are entitled to income tax relief in addition to your other family takaful or life insurance plans, subject to the final decision of the Inland Revenue Board of Malaysia (IRB).

What is the contribution mode for Takaful ProEssential?

Contribution can be made annually, semi-annually, quarterly or monthly. However, for quarterly and monthly contribution mode, only direct debit is acceptable.

What are the fees and charges?

Below are the fees and charges applicable to this plan:

Description	Fees and Charges
Wakalah Fee	This charge allows us to pay for the expenses of managing the takaful business, including remunerations to our Wealth Planners.
Monthly Tabarru' (Donation)	Tabarru' rates are not level and are based on Person Covered's attained age, gender, Sum Covered, smoking status and underwriting requirements.
Surrender Fee	Surrender fee of RM50 will be charged if you surrender your certificate during the first 3 certificate years. There will be no fees imposed on the 4th certificate year onwards.

What is not covered by Takaful ProEssential?

Takaful ProEssential does not cover the event listed below. Please note that the list is not exhaustive and reference should be made to the comprehensive list in Product Disclosure Sheet and Takaful Certificate.

Death Benefit

Death Benefit shall not be payable for Death from suicide within 1 year from this Principal Certificate Commencement Date or Reinstatement Date, whichever is later, whether the Person Covered is sane or insane. Our liability shall be limited to the PIA value on the date of death.

Total and Permanent Disability Benefit and Golden Age Disability Benefit

This Certificate shall not cover any disability caused directly or indirectly, wholly or partly, by and of the following occurrences:

- Any self-inflicted injuries while sane or insane; or
- Travel or flight in or on any type of aircraft except on a regular scheduled passenger flight of a commercial aircraft; or
- Any activities of a military nature whilst being engaged in military service in times of declared or undeclared war whilst under orders for warlike operations or restoration of public order; or
- War, civil war, invasion, act of foreign enemy, warlike actions, (whether war be declared or not), including accidental explosion and/or deliberate explosion of weapons of war, during war or directly as a result of previous war; or
- Pre-Existing Illness; or
- Being involved in unlawful/illegal act; or
- Being under the influence of any alcohol, narcotic and/or drug.



Important Notes

- Zurich Takaful Malaysia Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act (IFSA) 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia. Zurich Takaful Malaysia Berhad is required to strictly comply with Shariah and Regulatory requirements.
- This is a Takaful product and it is designed in line with Shariah principles.
- You have a grace period of 31 days from the contribution due date to make contribution to the certificate. The certificate will remain in force during the grace period.
- If there is no contribution made within grace period, your certificate may lapse.
- You may reinstate the certificate by making outstanding contributions. The certificate will automatically be surrendered if the certificate is not reinstated within 1 year. Please refer to Product Disclosure Sheet and Takaful Certificate for more information.
- Participating in a Takaful plan is a long-term commitment and it is not advisable to hold the certificate for a short period of time in view of the high initial costs.
- All contribution and fees shown in this document may be subject to tax or other government levies.
- You should satisfy yourself that this plan can best serve your needs and that the contributions made under this certificate is an amount that you can afford.
- If this certificate is cancelled within the free-look period of 15 days from the date of delivery of your certificate document, Zurich Takaful Malaysia Berhad shall refund the full contribution made, less any medical expenses due.
- The contribution amount and Tabarru' deduction for this plan is not guaranteed and Zurich Takaful Malaysia Berhad reserves the right to revise the contribution amount and Tabarru' by giving the Participant 90 days prior written notice.
- The information contained in this brochure may be changed without prior notice.
- English version shall prevail in the event of any dispute or ambiguity arising out of the translation to Bahasa Malaysia.
- If a Wealth Planner discontinues operating under Zurich Takaful Malaysia Berhad, Zurich Takaful Malaysia Berhad will appoint a new Wealth Planner to ensure continuous service is provided to you.
- This brochure contains only a brief description of the product and is not exhaustive. It is recommended that you read this together with the Marketing Illustration and Product Disclosure Sheet to know more about the product. For a detailed explanation of its benefits, exclusions, terms and conditions, please refer to the Takaful Certificate. Alternatively, you may contact one of our Wealth Planners for more information.

This page is intentionally left blank.

This page is intentionally left blank.

This page is intentionally left blank.